



**KENYATAAN RASMI**  
**29 Mei 2021**

## **PENGUMUMAN KES POSITIF COVID-19**

---

Petaling Jaya – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) ingin memaklumkan enam lagi kes baru COVID-19 melibatkan warga kerja PR1MA telahpun direkodkan.

Untuk pengetahuan, rekod kehadiran terakhir ke pejabat bagi individu-individu ini ialah pada 17 Mei, 20 Mei dan 25 Mei 2021 dan telah berada dalam kuarantin serta bekerja dari rumah sejak tarikh tersebut. Kesemua mereka kini sedang menunggu untuk menerima rawatan selanjutnya.

PR1MA sedang bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam memastikan semua tindakan bagi mencegah penyebaran pandemik COVID-19 dilaksanakan dengan segera.

Untuk mengurangkan risiko jangkitan, PR1MA telah mengarahkan :

- Semua kakitangan yang merupakan kontak rapat kepada individu-individu terlibat untuk disaring mengikut kategori.
- Proses sanitasi untuk dilaksanakan di pejabat PR1MA terutamanya melibatkan tingkat yang merekodkan kes COVID-19.

Keselamatan warga kerja dan para pelanggan merupakan keutamaan kami di PR1MA. Kami akan memaklumkan sebarang informasi terkini melalui saluran komunikasi rasmi PR1MA. Sama-sama kita memutuskan rangkaian jangkitan COVID-19.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan PR1MA di 03-7628 9898 (tutup pada cuti umum Negeri Selangor) atau e-mel kepada [info@p1ma.my](mailto:info@p1ma.my).

-TAMAT-

---